

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]
SOALAN :**

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah projek Klinik Kesihatan (KK3) Pekan Nanas akan dilaksanakan oleh kerana pemakluman pembinaan projek ini telah diketahui masyarakat begitu lama dan tapak juga telah beberapa kali dilawat oleh Menteri dan Menteri Besar sewaktu lawatan kerja ke kawasan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyedari keperluan pembinaan sebuah Klinik Kesihatan bagi menampung keperluan penduduk di sekitar Pekan Nenas. Bagi tujuan tersebut Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Pekan Nenas telah diluluskan untuk dilaksanakan dan projek ini sedang diperingkat pembinaan sejak 23 September 2014 dan dijangka siap pada 22 September 2016.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK MADIUS TANGAU
DARIPADA [TUARAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk melaksanakan pembinaan SMK Pekan Nabalu.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima cadangan beberapa tapak baharu untuk pembinaan SMK Nabalu daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan telah mengenal pasti tapak yang bersesuaian. KPM sedang meneliti proses seterusnya tentang urusan pengambilan balik tapak tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK MADIUS TANGAU
DARIPADA [TUARAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah SK Penimbawan dan SK Pekan Kiulu (yang terbakar) dan SK Bawang (yang terkena tanah runtuh) akan dibina semula.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan bangunan-bangunan sekolah sedia ada dipulihara dan kemudahannya ditambahbaik dari semasa ke semasa. Sehubungan dengan itu, Kementerian telahpun mengemukakan permohonan peruntukan untuk **projek gantian penuh** SK Pekan Kiulu (yang terbakar) dan SK Bawang (yang terkena tanah runtuh) dalam *Rolling Plan Ke-4* bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.

Manakala bagi projek gantian penuh SK Penimbawan pula, permohonan peruntukannya akan disenaraikan dalam permohonan RMKe-11 mengikut keutamaan.